

Boutros-Ghali patut letak jawatan — Dr. M

Oleh
ZULKIFLEE BAKAR

22 APR 1994

KUALA LUMPUR 22 April — Malaysia hari ini mendesak Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Boutros Boutros-Ghali meletak jawatan kerana kegagalannya menyelesaikan isu Bosnia-Herzegovina.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, Malaysia kesal dengan sikap Setiausaha Agung itu yang sejak awal-awal lagi telah menyatakan apa yang berlaku di Bosnia terjadi di mana-mana sahaja.

"Ini seolah-olah memberi galakan kepada orang Serb bahawa apa yang dilakukan (penghapusan etnik) oleh mereka bukannya satu perkara yang luar biasa kerana di mana-mana tempat ju-

ga berlaku penghapusan etnik itu," katanya.

Beliau berkata demikian kepada para pemberita selepas merasmikan Pelancaran Gerak Kerja Perdana Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia, di sini.

Dr. Mahathir berkata, beliau merasa sedih kerana seorang yang memegang jawatan yang tinggi dan dipertanggungjawabkan untuk memimpin PBB serta ditugaskan menjaga kepentingan semua negara mempunyai pendirian sedemikian.

Tegasnya, masalah di Bosnia-Herzegovina akan dapat diselesaikan jika PBB memilih seorang Setiausaha Agung yang betul-betul seorang aktivis dan berani.

Beliau mengulas mengenai resolusi Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia yang dicapai dalam

■ Lihat muka 2

Boutros-Ghali patut letak jawatan — Dr. M

Perhimpunan Khas malam tadi yang mendesak Boutros-Ghali meletak jawatan kerana kegagalannya menangani isu Bosnia.

Ditanya adakah beliau menyokong pendirian Pergerakan Pemuda itu, Dr. Mahathir berkata, "saya tak bangkang".

Ditanya adakah perletakan jawatan Boutros akan menghasilkan sesuatu perubahan dalam isu Bosnia, beliau berkata, ia akan terdapat sedikit perubahan kerana Boutros tidak pernah membuat apa-apa pun kerana mengambil sikap "dia tidak ada kuasa".

"Bila kita tanya pasal Pertubuhan Perjanjian Atlantik Utara (NATO)...dia kata kita tunggu Majlis Keselamatan buat keputusan...Majlis Keselamatan nak buat apa-apa tanya NATO...NATO nak buat kena tanya seseorang dan kemudian PBB buat keputusan tanya NATO.

"Siapa sebenarnya yang berkuasa...apakah mereka tidak tahu siapa yang berkuasa...mereka hantar Jeneral Rose ke Bosnia...bila dia minta *troop*... tidak ada *troop* yang datang..buat apa," kata Dr. Mahathir dengan nada yang serius.

Menjawab satu soalan Perdana Menteri berkata, Malaysia akan cuba memainkan peranan yang aktif bagi memilih setiausaha agung yang baru jika Boutros meletakkan jawatan.

"Tetapi sepertimana kita tahu pengaruh kita terhadap, banyak negara lain mendapat tekanan untuk menentukan calon yang dipilih ditentukan

oleh kuasa-kuasa besar malah Malaysia tidak menyokong ketika Boutros dicalonkan untuk memegang jawatan itu," katanya.

Dr. Mahathir menegaskan, masalah di Bosnia hari ini menunjukkan bahawa NATO, PBB dan Majlis Keselamatan PBB tidak mempunyai niat untuk mengambil tindakan yang berkesan.

"Serb tidak hairan dengan cakap-cakap mulut sahaja...mereka lebih menghormati tindakan keras tetapi mereka (PBB) nampaknya tidak sanggup," katanya.

Beliau menambah, PBB, NATO dan Majlis Keselamatan berhak untuk tidak sanggup mengambil tindakan ke atas Serbia dan tidak akan membantah jika kumpulan itu tidak mahu askar mereka terbunuh atau cedera.

"Itu mungkin kepentingan mereka, kita tidak ada bantahan tetapi mereka hendaklah memberi peluang kepada orang Islam Bosnia mempertahankan diri mereka.

"Tetapi mereka halang rakyat Bosnia daripada mendapat senjata sebaliknya mereka tahu pihak Serb di Bosnia mendapat bantuan senjata dari Belgrade dan pihak-pihak lain," katanya.

Dr. Mahathir berkata, sikap PBB itu ternyata apabila baru-baru ini ketika diarahkan berundur dengan senjata mereka, PBB telah merampas beberapa buah meriam.

"Tetapi kini pihak Serb masuk dengan begitu sahaja dan mengambil balik senjata mereka tanpa ada sesiapa pun yang tahan.

"Manakala pihak Bosnia di Sarajevo pula telah serah senjata dan kini mereka tidak bersenjata...kalau mereka diserang...mati begitu sahajalah," tegasnya.

Perdana Menteri dengan tegas melahirkan rasa hairan dengan dasar yang diamalkan oleh ketiga-tiga pihak berkenaan.

"Apakah jenis dasar ini...tak sanggup menolong orang dan tak sanggup orang itu menolong diri dia pun bahkan menghalang orang Islam Bosnia daripada mempertahankan diri...senjata pun tak bagi," katanya.

Dr. Mahathir menyifatkan apa yang dilakukan oleh PBB adalah satu ketidakadilan yang tidak pernah berlaku dalam sejarah kerana menahan orang (yang diserang) daripada menyelamatkan diri sendiri sedangkan pihak yang menyerang mendapat pelbagai senjata.

"Kita boleh tengok dalam gambar Serb mempunyai senjata, kereta kebal dan macam-macam tetapi orang Bosnia tidak ada apa-apa pun.

"Itu pun bila terjadi sesuatu mereka kata mungkin ini dibuat oleh Serb seolah-olah mungkin orang Bosnia yang bunuh bangsa mereka sendiri sepertimana yang berlaku di pasar Sarajevo baru-baru ini," tegas Dr. Mahathir.

Katanya, dalam kejadian itu PBB tidak mahu menuduh Serb bertanggungjawab.